

LATIHAN PENGGUNAAN GOLONGAN KATA

Pilih sama ada **Betul** atau **Salah** bagi penggunaan kata sendi nama, kata hubung, kata ganda dan kata terbitan yang betul dalam ayat berikut:

Bil.	Ayat	Betul/Salah
1.	Mereka berehat sebentar setelah bekerja sehari suntuk.	
2.	Kasut untuk berwarna hitam menjadi pilihan saya.	
3.	Cuaca semalam sejuk sebab cuaca pada hari ini panas.	
4.	Siti membela seekor anab berwarna putih seperti kapas.	
5.	Ibu bimbang akan keselamatan abang yang bekerja dan tinggal di negara yang bergolak itu.	
6.	Penduduk kampung telah melaporkan kewujudan petempatan haram itu ke pihak berkuasa.	
7.	Para guru-guru di sekolah diseru agar meningkatkan profesionalisme mereka dengan menghadiri kursus-kursus yang berkaitan pedagogi.	
8.	Rakan-rakan Mei Mei datang menziarahinya yang sedang dirawat di hospital.	
9.	Sikap saling bantu-membantu harus diamalkan oleh rakyat Malaysia demi memperkukuh perpaduan negara.	
10.	Murid lelaki itu fokus kepada pengajaran gurunya untuk cemerlang dalam pelajaran.	
11.	Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah mengisytiharkan kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957.	
12.	Pakaian tradisional sari masih relevan dipakai kerana keunikannya yang tersendiri.	
13.	Pihak sekolah sentiasa pupuk nilai-nilai murni dalam diri murid-murid supaya mereka dapat meningkatkan sahsiah diri yang baik.	
14.	Persembah kugiran itu sangat memukau dengan vokal penyanyinya yang bertenaga.	
15.	Penghuni rumah kebajikan itu sangat sihat-sihat belaka kerana mereka mendapat makanan yang berkhasiat.	
16.	Rakaman rancangan hiburan itu telah dijalankan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditetapkan.	
17.	Pemimpin itu menulis biografi kehidupannya untuk tatapan generasi muda.	
18.	Program kecemerlangan yang dijalankan ke pihak sekolah telah berjalan dengan lancar.	
19.	Murid-murid perlu menyertai apa-apa pertandingan kokurikulum dalam talian untuk menambah markah PAJSK mereka.	
20.	Murid-murid yang menyertai pertandingan menulis esei mestilah menulis esei sendiri dan tidak boleh diciplak daripada esei orang lain.	